

SILAT

Farhan tidak mahu terburu-buru ke Olimpik

► ISMAIL ALI

ismail@sph.com.sg

JUARA dunia muda Sheik Farhan Sheik Alau'ddin tidak mahu terburu-buru menetapkan matlamat bertanding dalam Sukan Olimpik jika usaha menyertakan acara silat pada 2024 menjadi kenyataan.

Bercakap kepada *Berita Minggu* sehari selepas nama dan gambarnya dimasukkan ke Dewan Kemasyhuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) Khamis lalu, Sheik Farhan, yang muncul juara acara tanding Kelas J (90-95 kg) Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Phuket Januari lalu berkata:

“Memang menjadi impian semua atlit untuk bertanding dalam Sukan Olimpik, saya tidak terkecuali. Saya akan mencecah usia 26 tahun dan menjangka berada pada tahap terbaik saya jika silat dapat disertakan dalam Sukan Olimpik 2024,” jelas Sheik Farhan, merujuk kepada usaha giat Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) menyertakan silat sebagai salah satu acara pertandingan dalam Sukan Olimpik 2024.

“Tetapi saya lebih suka menghadapi sesuatu kejohanan itu satu persatu.”

Mendedahkan perasaannya tidak dapat bertanding dalam Sukan SEA Jun ini meskipun beliau telah menunjukkan kemampuan menjadi juara dunia, beliau mengakui pada mulanya berasa kecewa tetapi



SHEIK FARHAN: Anggap semua pertandingan sama ada kecil atau besar sebagai sama penting dan beliau akan turun ke gelanggang dengan mentaliti dan keyakinan menang. – Foto TUKIMAN WARJI

kini sudah menerima hakikat itu.

“Apa yang akan saya lakukan sekarang adalah terus bekerja keras dan mempamerkan kesungguhan serta kemampuan saya bermula dengan pertandingan pra-Sukan SEA tidak lama lagi.

“Saya berazam menjadi juara dalam

pertandingan itu bukan untuk membuktikan apa-apa pada sesiapa tetapi kerana itulah pegangan saya setiap kali saya memasuki gelanggang pertandingan iaitu untuk menang,” kata Sheik Farhan.

Pelajar tahun satu Politeknik Nanyang dalam bidang kejuruteraan jitu menambah

“Memang menjadi impian semua atlit untuk bertanding dalam Sukan Olimpik, saya tidak terkecuali. Saya akan mencecah usia 26 tahun dan menjangka berada pada tahap terbaik saya jika silat dapat disertakan dalam Sukan Olimpik 2024. Tetapi saya lebih suka menghadapi sesuatu kejohanan itu satu persatu.”

– Sheik Farhan Sheik Alau'ddin.

bahawa beliau juga tidak memilih memenangi sesuatu kejohanan atau temasya tertentu sahaja.

“Bagi saya, semua pertandingan yang bakal saya sertai, sama ada kecil atau besar, sama penting baik Kejohanan Sedunia, Sukan SEA, Sukan Asia mahupun Sukan Olimpik dan saya yakin saya mampu memenangi kesemuanya.

“Namun, buat masa ini saya akan menghadapinya satu persatu. Apabila tiba masa kelak, saya akan menurut apa yang diarah jurulatih,” ujar beliau.